



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku




Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Aku di Alam Buku

Dr. Arnieyantie Abdul Hadi

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan Pulau Pinang

Sunyi dan tenang. Sekali sekala kedengaran deru kenderaan dari jalan di hadapan rumahku. Inilah suasana yang paling aku idamkan setiap kali hari cuti. Pada hari biasa, aku terlalu sibuk dengan hal-hal kerja. Tugas sebagai seorang ahli akademik kadang-kala membataskan aku untuk meluangkan lebih masa untuk hobi aku yang satu ini. Oleh itu, hujung minggu akan ku manfaatkan sebaik mungkin untuk membaca setelah selesai urusan rumahtangga. Setiap individu punya cara tersendiri menangani tekanan dan merawat keletihan terutamanya yang melibatkan minda. Bagi aku, membaca adalah satu cara terbaik untuk merawat keletihan ini malah ia juga sejenis terapi yang dapat memberikan ketenangan dan melegakan tekanan. Dengan teliti, aku membaca bait demi bait ayat sambil menghayati kandungan yang disampaikan. Buku ini baru sahaja aku beli dari Kedai Buku Hasani. Buku berkisar kehebatan Tamadun Melayu yang merupakan antara bangsa purba peneroka maritim dan pembina pelabuhan-pelabuhan hebat suatu ketika dahulu. Sudah menjadi rutin hampir setiap bulan, aku akan membawa anak-anak berkunjung ke kedai buku. Anak-anak aku menggemari siri komik kanak-kanak masa kini. Sebagai seorang ibu, aku menyokong sepenuhnya minat membaca mereka. Jujur, aku kurang gemar anak-anak menghabiskan banyak masa dengan gajet. Biarlah anak-anak terdedah kepada bahan bacaan yang pelbagai agar dapat menambah ilmu dan aku pula, sekurang-kurangnya dapat meluangkan masa mencari buku-buku menarik yang ada di kedai berkenaan. Menjelajah ke setiap rak-rak buku yang ada di kedai buku sentiasa membuat aku teruja.

Apabila bercerita tentang minat, aku sebenarnya suka membaca sedari kecil. Tidak kisah bahan bacaan bergenre apa, akan aku baca. Namun yang paling menjadi kegemaran ku adalah buku-buku berkenaan sejarah dunia, sirah Islam, novel kehidupan dan juga koleksi cerpen. Percaya atau tidak? Seawal usia lapan tahun, aku telah mula berjinak dengan cerita-cerita klasik seperti Hikayat Panji Semerang, Hikayat Awang Sulung Merah Muda, Hikayat Merong Maha Wangsa dan banyak lagi. Pada awalnya memang agak sukar untuk memahami lenggok bahasa penulisan lama yang penuh dengan prosa klasik. Kadang-kala sesebuah ayat itu perlu diulang beberapa kali untuk memahami apakah isi kandungan yang cuba disampaikan. Inilah yang menambahkan lagi keseronokan membaca. Apabila cabaran itu dapat diatasi, dan pada akhirnya intipati cerita itu dapat difahami, dari sebuah buku sampailah berbuku-buku habis kubaca. Menjadi satu kepuasan apabila aku dapat menghabiskan sesebuah buku. Ada juga buku-buku yang aku ulang membacanya jika kandungan menarik.

Mungkin minat membaca ini juga diwarisi dari arwah abahku yang suka membaca. Selain suka membaca. Arwah abahku turut mengumpul buku-buku lama dan baru pada ketika itu. Arwah abah pernah bercerita, beliau sanggup berlapar dan tidak menggunakan wang belanja sekolah kerana disimpan untuk membeli buku yang digemari. Masih ku ingat, sebuah novel yang arwah abah sayang bertajuk Nyawa Di Hujung Pedang yang berkisar kisah zaman penjajahan Jepun di mana buku berkenaan diterbitkan sebelum kelahiran ku. Buku-buku ini arwah abah susun di dalam almari khas dan di situlah juga aku mendapatkan buku-buku untuk dibaca. Melihat buku-buku yang tersusun mengikut tahun terbitan, membuatkan aku tertarik untuk membaca. Selain yang dibeli, arwah abah turut mendapat buku-buku percuma kerana

pada ketika itu Dewan Bahasa dan Pustaka sering datang ke pejabat abah untuk membuat promosi buku-buku baru terbitan syarikat berkenaan. Ketika itu arwah abah bekerja di Radio dan Televisyen Malaysia (RTM). Dari situ juga lah aku mula didedahkan kepada koleksi cerpen nukilan Zaharah Nawawi, Khadijah Hashim, Usman Awang, Shahnon Ahmad, Othman Puteh, Abdullah Hussain dan ramai lagi. Namun sayang sekali, hampir kesemua buku-buku koleksi abah telah musnah apabila banjir besar yang melanda negeri Kelantan pada tahun 2014 menenggelamkan bahagian bawah rumah dua tingkat yang menempatkan bahagian dapur dan ruang bacaan. Syukur kerana banjir itu tidak memusnahkan struktur rumah pusaka kami.

Merujuk kepada penulisan penulis-penulis yang aku sebutkan, kebanyakan kisah-kisah yang mereka paparkan sama ada di dalam novel atau cerpen menggunakan gaya bahasa dan olahan yang sangat menarik sehingga kebanyakan karya mereka berjaya membawa pembaca menjiwai penceritaan mereka yang adakalanya meruntun jiwa. Antara contoh adalah karya cerpen bertajuk Di Hujung Penantian karangan Zaharah Nawawi yang merungkai kisah kehidupan anak-anak seramai enam orang yang terpaksa ditinggalkan lantaran ibu menjalani rawatan di hospital manakala si ayah terpaksa keluar jauh mencari rezeki. Kepayahan hidup akibat kehabisan bekalan makanan akhirnya membawa kepada kematian anak-anak ini kerana termakan nasi yang dimasak dari beras yang telah dicampur dengan racun rumpai untuk membunuh tikus. Selain itu, novel Debu Hiroshima garapan Othman Puteh juga tidak kurang hebatnya di mana novel ini dikarang berdasarkan kisah benar pengalaman seorang guru muda bernama Razak yang dihantar oleh pihak Jepun ke negara matahari terbit itu untuk mempelajari Bahasa Jepun namun terperangkap dalam kancah pengeboman di bandar Hiroshima oleh Tentera Berikat sewaktu perang dunia. Cerita-cerita sebegini masih segar dalam ingatanku walaupun berpuluh tahun sudah berlalu. Inilah kesan daripada hasil olahan penulis-penulis hebat di dalam karya mereka yang melekat di jiwa pembaca. Ada juga penulisan mereka yang boleh membuatkan pembaca menitikkan air mata contohnya cerpen Di Hujung Penantian tadi. Elemen-elemen sebeginilah yang aku dapati semakin kurang di dalam penulisan kini. Atau tidak keterlaluan aku katakan penulisan sekarang kurang 'jiwa'nya. Tidak hairanlah kebanyakan penulis dahulu layak dinobatkan sasterawan negara berdasarkan karya mereka yang sebegini. Mungkin juga antara sebab penulisan masa kini kurang 'jiwa'nya kerana terdedah kepada penulisan di media sosial yang dilihat lebih terbuka dan pada masa yang sama kupasan sesuatu isu banyak menggunakan gaya bahasa harian, bahasa ringkas dengan dicampur aduk dengan bahasa Inggeris yang akhirnya merosakkan tatabahasa Melayu yang indah.

Buku banyak meninggalkan makna di dalam kehidupan aku. Ingin juga aku kongsi kisah bagaimana buku telah membantu aku mengumpul sisa-sisa semangat yang ada agar menjadi lebih kuat untuk menghadapi siri-siri dugaan besar yang melanda. Ini semua berlaku sewaktu aku sedang melanjutkan pengajian ku di peringkat ijazah kedoktoran suatu ketika dulu. Di kala itu, aku merasakan diriku diselubungi kegelapan yang menyesak. Aku merasa lelah lantaran menjalani kehidupan sebagai ibu yang bekerja dan juga seorang pelajar. Pada masa yang sama, aku turut melalui episod kehilangan 3 orang ahli keluarga terdekat yang banyak memberikan aku semangat ketika pengajian aku. Sewaktu ujian silih berganti menimpa, semangat aku mula lemah dan hampir sahaja aku tewas. Dan Ketika itu juga selain bersujud dan bermunajat kepadaNya, Allah SWT turut mengilhamkan aku untuk membaca buku Biografi Muhammad bin Abdullah karangan Zulkifli Mohd Yusoff dan Noor Naemah Abd Rahman. Dengan olahan yang jelas, mudah difahami dan penceritaan yang teratur, tepat sekali buku ini dipilih antara buku yang menerima Anugerah Jualan Terbaik. Aku menghayati satu demi satu kisah kehidupan Rasulullah bermula bagaimana baginda kehilangan kedua orang tuanya sewaktu masih kecil dan kemudian dibesarkan oleh datuknya Tidak lama selepas itu, datuknya pula dijemput Ilahi lalu dipelihara oleh bapa saudara baginda bersama sepupu beliau yang ramai itu. Baginda juga kehilangan isteri tercinta yang banyak berkorban dan turut bersama-sama dalam perjuangan menegakkan syiar Islam selain kehilangan anak-anak baginda sewaktu usia mereka masih kecil. Kehilangan demi kehilangan yang Rasulullah tempuhi turut disertai cacian, pendustaan sehingga cubaan untuk membunuh baginda dihadapi dengan penuh tabah.

Malah baginda tidak pernah menyatakan rasa kesal dan hanya berpaut pada Allah yang satu. Kisah-kisah sebegini yang patut dijadikan panduan agar kita tidak mudah berserah kepada takdir tanpa usaha. Syukur kepada Allah yang Maha Esa, sedikit demi sedikit aku berjaya bangkit dan keluar dari terowong itu. Benarlah apa yang dikata, membaca itu pelita hidup. Dengan membaca, sesungguhnya manusia tidak akan berada di dalam kesesatan yang nyata.

Kini zaman sudah berubah. Pada tahun 80an, bahan bacaan bercetak merupakan sumber utama untuk mendapatkan apa jua informasi. Ketika itu, bukan sahaja toko buku, kedai-kedai runcit juga selain menjual pelbagai surat khabar ada kala turut menjual bahan bacaan seperti novel remaja, majalah berunsur mistik Mastika, komik Ujang dan Gila-gila. Malah, majalah hiburan seperti URTV dan Mangga mudah didapati. Namun pada abad ke 21 ini, sejajar dengan perkembangan teknologi, perkembangan penulisan kini banyak diterbitkan di platform media sosial. Ini membawa kepada pengurangan kebergantungan kepada sumber bacaan bercetak. Hampir kesemua bahan bercetak yang aku sebutkan itu sukar didapati atau sudah dihentikan percetakan. Bahkan generasi kini ada yang tidak tahu judul bahan bacaan bercetak ini. Masyarakat sekarang lebih gemar mendapatkan bahan bacaan di media sosial. Dunia di hujung jari lah telah membawa kepada tenggelamnya bahan bacaan bercetak oleh peredaran zaman. Anak-anak muda rata-rata sekarang lebih gemar mendapatkan informasi dan turut menjadikan media sosial sebagai rujukan mereka. Sedih apabila melihat ada buku-buku lama yang dibuang begitu sahaja. Namun ada juga inisiatif syarikat-syarikat buku terpakai yang mengumpul dan membeli buku-buku ini dengan harga yang murah kemudiannya menjual kembali dengan harga mampu milik kepada yang berminat. Jualan dibuat di kedai-kedai buku terpakai atau secara atas talian seperti yang dibuat oleh Syarikat Tuju Buku contohnya. Walaubagaimanapun, tidak dinafikan masih ramai golongan muda yang meminati bahan bacaan bercetak. Namun sesuatu perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran seterusnya memupuk minat membaca di kalangan golongan muda bermula zaman kanak-kanak. Moga usaha yang aku lakukan buat anak-anak ku ini membawa manfaat kepada mereka di kemudian hari.


“Ibu, saya lapar lah ibu. Nak nasi lemak boleh?”

Suara anak bongsuku berusia 8 tahun tiba-tiba memecah keheningan. Menghentikan terus monologku berkenaan membaca. Aku menjeling jam di dinding bilik tidur. Jam sudah menunjukkan pukul 1.00 tengahari. Cepat benar masa berlalu. Langsung aku teringat nasi lemak yang aku sediakan pagi tadi. Masih banyak berbaki. Kebiasaan pada hujung minggu, aku akan menyediakan sarapan pagi yang lebih berbanding biasa agar aku dapat meluangkan lebih masa untuk membaca sambil merehatkan diri. Pantas aku melipat sedikit hujung halaman sebelum menutup buku yang sedang aku baca. Baiklah, akan aku sambung membaca dan bermonolog malam nanti selagi ada waktu terluang.

Tafsir Surah Al-Asr (Demi Masa) yang bermaksud:


“Demi masa. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali yang beriman dan juga yang beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.”

Oleh itu, manfaatkanlah masa yang ada sebaiknya kerana masa yang sudah berlalu tidak akan kembali lagi.



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

